

SOALAN NO: 272

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH :

SOALAN : 272

YB Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan Pusat Komuniti Kesihatan Mental yang telah dibina mengikut cadangan Malaysia Mental Health Act. 2001, lokasi pusat-pusat tersebut jenis dan bilangan kakitangan yang bekerja disitu serta menjelaskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat-pusat tersebut untuk mambaik pulih pesakit mental.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan sebanyak 21 buah Pusat Kesihatan Mental Komuniti di seluruh negara iaitu 3 di Perak, 3 di Sarawak, 2 di negeri Kedah, 2 di Pahang, 2 di Selangor dan 2 di Johor. Manakala terdapat sebuah Pusat Kesihatan Mental Komuniti bagi negeri-

negeri berikut; Pulau Pinang, Putrajaya, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Sabah.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan ahli-ahli yang berhormat, seramai 138 kakitangan yang terdiri dari pelbagai kategori bertugas di Pusat Kesihatan Mental Komuniti tersebut. Pelbagai aktiviti diadakan bagi membantu proses pemulihan dan rehabilitasi antaranya teknik relaksasi, latihan kemahiran daya tindak dan sesi kaunseling. Terdapat juga sudut *play therapy* bagi pesakit kanak-kanak. Pesakit juga dilatih untuk berdikari contohnya seperti mereka diajar kaedah penyediaan makanan dan lain-lain. Bagi pesakit mental yang telah stabil, cadangan penempatan pekerjaan juga disyorkan oleh pihak pengurusan rawatan berkaitan.

RT17/273

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
DARIPADA NAIDU [BATU GAJAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah diturunkan kepada SJKC dan SJKT pada tahun 2016 dan sehingga 30 Jun 2017. Nyatakan sekolah-sekolah yang menerima peruntukan tersebut dengan jumlahnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan pembaikan sebanyak RM0.29 juta bagi pembaikan 26 buah SJKT dan RM0.39 juta bagi pembaikan 36 buah SJKC. Manakala bagi tahun 2017, peruntukan pembaikan adalah sebanyak RM0.33 juta untuk 20 buah SJKT, dan sebanyak RM0.86 juta bagi 29 buah SJKC.

RT17/273